


TARIKH : 7 MAC 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

Sumber petroleum belum teroka dianggar 21 bilion tong



Malaysia kekal tarikan destinasi pelaburan utama industri minyak dan gas serantau

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia masih mempunyai potensi besar dari segi sumber petroleum belum diterokai dengan anggaran setara tong minyak kira-kira 21 bilion.

Isa sekali gus mengekalkan daya tarikan negara ini antara destinasi pelaburan utama dalam industri minyak dan gas di rantau ini.

Di samping jumlah syarikat minyak dan gas yang beroperasi dan melabur dalam industri hulu di Malaysia sudah mencecah lebih 30 syarikat pada masa ini, masih terdapat syarikat baharu dari pelbagai negara seperti Jepun, United Kingdom (UK), Eropah, Amerika Syarikat (AS), Singapura dan Korea Selatan menyatakan minat untuk melabur dalam industri minyak dan gas negara.

Naib Presiden Kanan, Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM) PETRONAS, Mohamed Firouz Asnan, berkata meskipun industri minyak dan gas di Malaysia berusia lebih 100 tahun sejak penemuan minyak pertama di Miri, Sarawak pada 1910, potensi

sumber petroleum belum diterokai yang besar itu menawarkan peluang menarik kepada syarikat berkenaan.

Beliau berkata, strategi MPM sebagai unit dalam PETRONAS yang menjalankan kawal selia dan tadbir urus ke atas industri hulu minyak serta gas negara, adalah mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif dengan memperkasa dan menyokong syarikat yang beroperasi dalam industri minyak dan gas tempatan bagi memajukan sumber petroleum secara optimum dan seterusnya memaksimumkan rantaian nilai minyak dan gas dalam negara.

Katanya, PETRONAS juga berpegang teguh kepada prinsip mewujudkan nilai bersama rakan kongsi menerusi strategi *right asset, right player*, yang mana syarikat berkelayakan disuai padan dengan peluang pelaburan sedia ada berdasarkan kemahiran dan kebolehan teknikal, tahap risiko yang mampu disandang dan keupayaan kewangan masing-masing bagi memaksimumkan nilai potensi di medan minyak dan gas baharu dan sedia ada.

Tambahnya, Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dengan terma komersial yang inovatif telah menarik perhatian pelbagai syarikat minyak dan gas yang berkelayakan dan berkebolehan bagi melabur di negara ini dan memajukan sumber minyak dan gas negara secara optimum.

"Sejak 1974, PETRONAS secara berterusan telah menambah baik PSC sebagai tindak balas terhadap kehendak dan cabaran yang diha-

dapi pelabur.

"Kami telah membuat semakan semula dan penambahbaikan terhadap terma PSC sejak ditubuhkan, sejajar dengan perkembangan dan arah aliran terkini industri minyak dan gas global.

"Ini membolehkan Malaysia menarik pelabur daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman yang merangkumi syarikat minyak dan gas ternama, syarikat multinasional dan syarikat baharu untuk melabur di sini," katanya kepada *BH* pada temu bual eksklusif baru-baru ini.

Mohamed Firouz berkata, ketika beliau mula-mula menyertai PETRONAS pada 1988, hanya tiga syarikat minyak utama terbahit dalam aktiviti penerokaan dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas di Malaysia iaitu Exxon yang dahulunya dikenali sebagai Esso, Shell dan PETRONAS Carigali.

"Sejak 1974, industri hulu minyak dan gas di Malaysia sudah berkembang pesat dengan pelabu-

ran terkumpul sehingga 2021 menjangkau lebih RM660 bilion.

"Kini, tahap pengeluaran minyak dan gas negara melebihi 1.7 juta tong minyak setara sehari. Bahkan, PETRONAS juga berazam untuk meningkatkan tahap pengeluaran kepada dua juta tong minyak setara sehari menjelang 2025," katanya.

Kerajaan ambil alih kawalan

Semasa aktiviti penerokaan sumber petroleum di Malaysia bermula, Malaysia mengamalkan sistem konsesi, yang mana syarikat minyak dari luar negara diberikan hak mutlak untuk meneroka sumber petroleum dan diwajibkan membayar cukai dan royalti kepada kerajaan.

Namun, setelah sekian lama sumber petroleum Malaysia diteroka dan diusahakan oleh syarikat luar negara, kerajaan mula menyedari kepentingan serta nilai strategik untuk mengambil alih kawalan ke atas sum-

ber berkenaan.

Kesedaran itu memberi lahir kepada Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA 1974).

Melalui PDA 1974, seluruh pemunyaan mengenai petroleum dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendaftarkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai Malaysia telah diletakkan kepada PETRONAS, syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.

Dengan mandat yang diberikan, PETRONAS berjaya menukar sistem konsesi penerokaan sumber petroleum negara kepada satu sistem PSC dengan PETRONAS secara langsung terbahit sebagai pengawal selia operasi operasi petroleum hulu di Malaysia.

Melalui sistem itu, PETRONAS berjaya membangunkan dan menambah nilai ke atas sumber petroleum supaya industri minyak dan gas negara sentiasa mampan.

PETRONAS antara lain memperkenalkan keperluan Malaysia-nisasi sumber tenaga kerja serta pemindahan teknologi, di samping keutamaan kepada penggunaan syarikat syarikat tempatan sebagai kontraktor perkhidmatan dalam aktiviti cari gali minyak.

Sehingga kini, lebih 200 PSC telah dimeterai oleh PETRONAS dengan syarikat minyak, dari dalam dan luar negara sejak PSC diperkenalkan di negara ini pada 1976.

"Kini, tahap pengeluaran minyak dan gas negara melebihi 1.7 juta tong minyak setara sehari. Bahkan, PETRONAS juga berazam untuk meningkatkan tahap pengeluaran kepada dua juta tong minyak setara sehari menjelang 2025"



Mohamed Firouz Asnan,
Naib Presiden Kanan MPM PETRONAS